

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

AMU 403 PEMASARAN ANTARABANGSA

Tarikh: 31 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan SATU adalah WAJIB.

1. Terangkan konsep Kitaran Hayat Produk dan siratannya ke atas kegiatan pemasaran antarabangsa.
(25 markah)
2. (a) Kerajaan Malaysia menggalakkan syarikat tempatan menerokai pasaran antarabangsa. Apakah kemudahan dan galakan yang disediakan oleh kerajaan kepada pengekspot?

(b) Sediakan satu senarai faktor-faktor yang perlu diberi perhatian di dalam proses merancang kegiatan pemasaran di peringkat antarabangsa.
(25 markah)
3. (a) Tahap orientasi pemasaran adalah sangat sedikit apabila pengekspot mengamalkan strategi yang berorientasikan etrosentrik. Bincangkan.

(b) Apakah faedahnya menseragamkan strategi dan kamelan pemasaran? Apakah faktor-faktor yang menjadi rintangan kepada usaha menseragamkan strategi dan kamelan pemasaran?
(25 markah)

...2/-

4. (a) Bincangkan kaedah yang boleh digunakan oleh firma tempatan untuk memasuki pasaran antarabangsa.

(b) Hasil keluaran projek usahasama di Malaysia kebanyakannya diekspot ke luar negeri dengan menggunakan jenama milik rakan perniagaan dan negara asing. Apakah pandangan anda mengenai perkara ini?

(25 markah)

5. (a) Bandingkan kaedah penyelidikan pemasaran yang diamalkan oleh firma Jepun dengan firma dari negara-negara Barat.

(b) Pada amnya, pasaran Jepun sukar ditembusi. Walau bagaimanapun, beberapa firma asing telah berjaya menembusinya dan mencatat prestasi yang mengagumkan. Apakah nasihat anda kepada pengekspot-pengekspot Malaysia yang ingin menerokai pasaran Jepun?

(25 markah)

- oooOooo -